

JOHOR BAHRU, 21 MEI (BERNAMA) — PETRONAS AKAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PEMBEKALAN MINYAK YANG TETAP DI PELABUHAN JOHOR DI PASIR GUDANG, UNTUK MEMUDAHKAN KAPAL-KAPAL YANG BERLABUH DI PELABUHAN ITU MENDAPATKAN BEKALAN MINYAK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED, BERKATA HARI INI LANGKAH ITU ADALAH SATU DARIPADA BEBERAPA LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL OLEH KERAJAAN DALAM USAHA MENYEDIAKAN BERBAGAI KEMUDAHAN YANG CUKUP BAGI SEMUA KAPAL YANG BERLABUH DI SITU.

MENURUTNYA, PADA MASA INI, PETRONAS MEMBEKALKAN MINYAK KEPADA KAPAL-KAPAL DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEMENTARA MELALUI BEKALAN MINYAK YANG DIDAPATI DARI SINGAPURA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SETELAH MELAKUKAN LAWATAN KE PELABUHAN PASIR GUDANG DAN KOMPLEKS PELANCUNGAN DESARU, TANJUNG PENAWAR, KIRA-KIRA 60 BATU DARI SINI.

KATANYA, LANGKAH-LANGKAH LAIN YANG AKAN DIAMBIL TERMASUK PEMBINAAN JALAN EMPAT HALA DI ANTARA JOHOR BAHRU DENGAN PASIR GUDANG, DAN PEMBINAAN LANDASAN KERETAPI DI ANTARA KEDUA-DUA TEMPAT. — BERSAMBUNG 2040/YF

EE

B647

MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU

MENGENAI KEMAJUAN PROJEK PELANCUNGAN LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA) DI DESARU, BELIAU BERKATA, KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI SETAKAT INI SANGAT MENGGALAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA TELAH MELAHIRKAN RASA PUAS HATINYA TENTANG KESELURUHAN KEMAJUAN PROJEK-PROJEK KEJORA YANG LAIN, KHUSUSNYA RANCANGAN TANAMAN KELAPA SAWIT YANG DIUSAHAKAN BERSAMA DENGAN FELDA.

MENGENAI PENCEMARAN KAWASAN PANTAI DI DESARU, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENASIHATKAN SYARIKAT-SYARIKAT PERKAPALAN SUPAYA JANGAN MENJALANKAN KEGIATAN MENCUCI KAPAL-KAPAL MEREKA BERHAMPIRAN DENGAN KAWASAN TERSEBUT.

TERDAHULU DARI ITU, BELIAU TELAH MENGHADIRI MAJLIS TAKLIMAT PEMBANGUNAN YANG DISAMPAIKAN OLEH PENGURUS BESAR KEJORA, HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDUL RAHMAN.

HADIR SAMA TALAH DATIN SERI DR. SITI ASMAH, MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI OTHMAN SAAT, MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, TAN SRI KADIR YUSOF, AHLI-AHLI EXCO KERAJAAN NEGERI DAN PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN. — BERNAMA 2050/YF